



## PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih dalam tempoh sah laku dan berdaftar dengan PERKESO melalui [www.sennego.com](http://www.sennego.com) bagi melaksanakan perolehan berikut :

TAJUK PEROLEHAN	NO. RUJUKAN	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP	HARGA DOKUMEN (RM)
TENDER MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAJU KORPORAT	T/PKS 10/2023	020801 DAN 222401	30/10/2023	TIADA,	20/11/2023 12:00 tengahari	100.00

1. Tawaran ini dilaksanakan melalui Sistem Perolehan PERKESO (SPP). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web [www.sennego.com](http://www.sennego.com) sebelum menyertai tawaran ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada [speedhelpdesk@commercedc.com.my](mailto:speedhelpdesk@commercedc.com.my).
2. Pembekal perlu mendapatkan Nombor Pin daripada PERKESO secara emel atau hadir ke Ibu Pejabat PERKESO untuk mengakses sistem dan memuat turun dokumen dan membeli Dokumen Tender.
3. Nombor pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat melalui Akaun Maybank 564016400646 atau Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf atas nama Ketua Eksekutif PERKESO dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau Cek Persendirian/Syarikat tidak akan diterima.
4. Pembekal dikehendaki melengkapkan Tawaran Tender dengan mematuhi arahan yang ditetapkan melalui [www.sennego.com](http://www.sennego.com) mulai 30/10/2023 hingga 13/11/2023.
5. Pembekal dikehendaki mengemukakan Dokumen Tender secara manual (sekiranya perlu) dan melalui atas talian (*online*) sebelum atau pada tarikh dan masa tutup.
6. Kehadiran taklimat adalah **DIWAJIBKAN** (sekiranya ada). Hanya Penama dalam sijil KKM sahaja dibenarkan hadir. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani Penama yang diberi kuasa, jika Penama tidak dapat hadir.
7. PERKESO tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran Tender yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan Tender dan keputusan adalah muktamad.
8. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **1% (pukal) atau 0.5% (berkala) bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap inbois.**
9. Bagi serahan secara manual, Dokumen Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan dicatitkan No. Rujukan, Tajuk Perolehan dan No. Pin Pembekal di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan seperti alamat dibawah :

Ketua Eksekutif  
Pertubuhan Keselamatan Sosial  
Bahagian Perolehan  
Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Pada atau sebelum tarikh tutup Tender jam 12:00 tengahari

10. Dokumen Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Tender tidak akan diterima.